

28 JAN 2003

PROTON-MAGHRIBI/I

PROTON CARI PELUANG PERLUAS PERNIAGAAN KE MAGHRIBI

SHAH ALAM, 28 Jan (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), yang sedang berunding untuk membeli kepentingan dalam syarikat pemasangan kereta Maghribi, Somaca, juga sedang mencari peluang untuk memperluaskan perniagaannya ke peringkat serantau dan antarabangsa, kata seorang jurucakap syarikat.

"Bagaimanapun, tiada rancangan baru yang telah disahkan oleh Proton setakat ini," kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

Rancangan peluasan itu adalah sejajar dengan matlamat syarikat itu untuk menjadi peserta penting dalam pasaran automobil dunia, katanya apabila diminta mengulas tentang sebuah berita mengenai rundingan untuk membeli kepentingan dalam Somaca.

Sebuah berita luar negara melaporkan semalam bahawa Proton sedang berunding dengan pihak-pihak berkuasa Maghribi mengenai rancangan penjualan kepentingan milik negara dalam Somaca.

Dalam laporan itu, seorang pegawai kanan Kementerian Kewangan dan Penswastaan Maghribi disebut sebagai berkata bahawa satu rombongan yang mewakili Proton mengadakan rundingan dengan Jabatan Penswastaan, Kementerian Industri dan pegawai-pegawai dari Somaca mengenai rancangan penswastaan Somaca.

Pada bulan April, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengadakan lawatan rasmi ke kilang Somaca yang berusia 43 tahun itu di Casablanca.

Sementara itu, dalam satu kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini, syarikat itu berkata bahawa ia sedang mencari peluang usaha niaga baru dan memperluaskan pasarannya dalam usaha untuk memperkukuhkan kedudukan jenama dan produknya di luar negara.

Menurut syarikat itu, satu pasukan telah dihantar ke Maghribi untuk mengkaji sebarang peluang perniagaan bagi Proton di negara itu termasuk kemungkinan mengadakan operasi pembuatan dan pemasangan di Afrika Utara.

Ini adalah sejajar dengan strategi Proton untuk memperoleh kaedah berkesan kos dalam mengeluarkan dan memasarkan produknya di pasaran-pasaran berkenaan, kata syarikat itu dalam jawapannya kepada pertanyaan BSKL mengenai artikel yang disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan hari ini.

Katanya, Proton masih berada pada peringkat meneroka dan pengumuman sewajarnya akan dibuat sekiranya ia mendapati bahawa operasi pengeluaran boleh dijalankan di Maghribi atau di Afrika Utara. -- BERNAMA

ERE/MAS KTC KY NHD